

# CARTA FUNGSI SEKSYEN PENGURUSAN PERAKAUNAN

## Seksyen Pengurusan Perakaunan

### Pembangunan Perakaunan

1. Memberi khidmat perundingan dan khidmat nasihat kepada ketua jabatan serta seluruh kakitangan jabatan dan PTJ negeri berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan jabatan meliputi proses bayaran, pembayaran gaji, pungutan hasil dan penyediaan laporan perakaunan.
2. Memberi penjelasan ke atas persoalan dan isu-isu teknikal berkaitan pekeliling, surat pekeliling dan arahan operasi perakaunan.
3. Memberi khidmat nasihat dan rundingan berkaitan operasi modul-modul SPEKS (11 Modul) kepada seluruh kakitangan Kewangan di Negeri.
4. Menguji program-program baru Modul SPEKS sebelum dilaksanakan oleh Jabatan dan PTJ serta mengkaji dan mengenalpasti kelemahan Sistem bagi tujuan pembetulan dan penambahbaikkan.
5. Mengkaji dan menganalisa proses dan operasi Sistem Kewangan dan Perakaunan Kerajaan Negeri yang dipraktikkan bagi tujuan pembangunan dan penambahbaikkan pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri.
6. Menyedia cadangan penambahbaikkan kepada Sistem Kewangan dan Perakaunan dari masa ke semasa.

# CARTA FUNGSI SEKSYEN PENGURUSAN PERAKAUNAN

## Seksyen Pengurusan Perakaunan

### Perakaunan Pengurusan

1. Membuat analisa ke atas prestasi kewangan Kerajaan Negeri untuk dilaporkan kepada pihak pengurusan tertinggi dan Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk digunakan dalam membuat keputusan kewangan.
2. Membuat analisa ke atas perbelanjaan modal meliputi projek-projek pembangunan, membuat analisa ke atas perolehan aset kerajaan negeri serta menganalisa sumber pembiayaan bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan dan perolehan aset agar sentiasa menguntungkan Kerajaan atau mengoptimumkan nilai untuk wang awam yang dibelanjakan.
3. Memantau perakaunan aset Kerajaan Negeri yang meliputi kadar susut nilai, jangka hayat, perakaunan susut nilai, pelupusan serta hapuskira.
4. Mengkaji kaedah serta mengemukakan cadangan penjimatan kos bagi perbelanjaan Kerajaan Negeri.
5. Menyedia garis panduan mengenai kaedah perakaunan Aset berikut pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan.